

Terus sumbang khidmat

UB 2.7.2013 A5

Oleh SURAIDAH ROSLAN
hadieyda18@yahoo.com

► *Harapan kepada pegawai kadet Palapes yang bakal ditauliahkan*

KOTAKINABALU: Pegawai Kadet Palapes yang bakal ditauliahkan pada Sabtu (6 Julai) ini diharap akan dapat terus menyumbang khidmat kepada negara selepas tamat latihan.


Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof. Datuk Dr Mohd Harun Abdullah berharap semua pegawai kadet yang bakal ditauliahkan itu akan terus berkhidmat sebagai pegawai simpanan tentera selepas tamat pengajian.

Katanya, sebagai universiti yang terpilih buat julung-julung kalinya menjadi tuan rumah Majlis Istiadat Pentauliahkan Palapes ke-32, UMS akan berusaha untuk memastikan istiadat pentauliahkan kali ini adalah yang terbaik.

"Ini merupakan satu lakaran sejarah bagi UMS yang terpilih buat pertama kalinya menjadi tuan rumah bagi majlis pentauliahkan kali ini.

"Kita juga mencipta sejarah kerana pada kali ini perbarisan pentauliahkan melibatkan sebanyak 24 kontinjen dan ia merupakan bilangan kontinjen terbesar setakat ini," katanya kepada pemberita semasa sidang media sempena Majlis Istiadat Pentauliahkan Palapes ke-32, di Bilik Senat, Dewan Canselor, di sini kelmarin.

Beliau juga berharap agar pegawai yang ditauliahkan



HARUN (dua kanan) bersama Azizan (dua kiri) dan Mazelan (kanan) semasa sidang media sempena Majlis Istiadat Pentauliahkan Palapes ke-32.

ini akan menggunakan segala kemahiran dan pengalaman yang diperoleh sepanjang tempoh tiga tahun latihan untuk menjalani kehidupan yang pastinya lebih mencabar dalam usaha membantu mempertahankan aspek keselamatan negara.

Harun berkata, seramai 91 orang pegawai Palapes dari UMS akan turut ditauliahkan pada majlis itu.

Majlis Istiadat Pentauliahkan Palapes ini akan dihadiri oleh Sultan Muhamad Ke-V, Sultan Kelantan serta Yang Dipertua Negeri Sabah Tun Juhar Mahiruddin dan Ketua Menteri Sabah Datuk Seri Panglima Musa Haji Aman.

Sementara itu, Ketua Staf

Tentera Darat, Mejar Jeneral Dato' Azizan Md Delin berkata, perbarisan pentauliahkan kali ini melakar sejarah kerana pertama kali diadakan di Kepulauan Borneo.

Beliau juga berharap agar pegawai yang ditauliahkan akan terus membantu pasukan keselamatan di barisan hadapan selepas tamat pengajian di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA).


Katanya, perbarisan pentauliahkan pada kali ini juga diharap akan menjadi titik tolak kepada perbarisan yang akan datang.

Manakala, Panglima Latihan Tentera Darat, Mejar Jeneral Datuk Mazelan Kasap berkata, pada majlis tahun ini,

seramai 1,340 orang pegawai dari 17 buah IPTA yang akan ditauliahkan yang terdiri daripada pegawai tentera darat, laut dan udara.

Daripada jumlah itu, seramai 655 adalah Pegawai Kadet lelaki dan selebihnya iaitu seramai 685 orang adalah Pegawai Kadet wanita.

Sejak tahun 1980, seramai 22, 537 orang pegawai kadet yang telah ditauliahkan setakat ini dan kini Palapes terus bergiat aktif untuk mendapatkan seramai pelajar yang boleh untuk menyertai pegawai kadet berkenaan bagi memenuhi kuota yang ditetapkan iaitu seramai 150 orang setiap tahun bagi setiap universiti.



ANTARA Pegawai Kadet Palapes yang menyertai raptal sempena Majlis Istiadat Pentauliahkan Palapes ke-32.